BM (TATABAHASA) TAHUN 3

NAMA :_____ **KELAS :** _____

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (Rabu)

TAJUK : KATA GANTI NAMA

Pilih jawapan yang betul

1. Jali dan Jasni baik hati. _____ disukai oleh rakan-rakan.
A. Kita B. Dia C. Beliau D. Mereka

2. Wahid ponteng sekolah. _____ didenda oleh guru disiplin.
A. Saya B. Dia C. Aku D. Mereka

3. _____ ialah negarawan yang terkenal di Malaysia
A. Dia B. Kamu C. Beliau D. Kita

4. "_____ ingin bersantap," titah sultan.
A. Beta B. Hamba C. Patik D. Tuanku

5. "_____ mohon pertimbangan tuanku," kata Bendahara Tun Perak kepada sultan.
A. Patik B. Hamba C. Aku D. Saya

6. "_____ patut menyanyikan lagu kebangsaan dengan penuh semangat, " kata ketua pengawas.
A. Kita B. Kami C. Dia D. Mereka

7. Munirah suka akan rambutan tetapi _____ tidak suka akan manggis.
A. kita B. dia C. mereka D. nya

8. "_____ akan ke sana sekarang," kata Akmal dan Amin kepada Cikgu Hashim.
A. Kita B. Kamu C. Kami D. Awak

9. "Rumah besar itu terletak di bukit _____," kata Amran kepada Aufa.
A. situ B. sini C. itu D. sana

10. Adik menangis kerana _____ sakit perut.
A. dia B. kami C. mereka D. kita

11. Beberapa orang murid didenda kerana _____ melanggar disiplin sekolah.
A. nya B. mereka C. tuan D. kamu

12. "_____ hendak pergi ke padang," kata Izani kepada kawannya.
A. Aku B. Awak C. Engkau D. Patik

LIVEWORKSHEETS

13. Pemimpin dihormati kerana _____ seorang yang bertanggungjawab.

A. beliau B. patik C. saudara D. saya

14. "Inikah adik _____ yang pandai itu?" tanya Choong kepada David.

A. saya B. patik C. engkau D. kami

15. "_____ berharap awak akan dapat menolong saya," kata Elizabeth kepada Diana.

A. Tuan B. Awak C. Saya D. Dia

16. Sham, Zaidi dan Ramesh telah menyiapkan latihan Matematik _____ .

A. kami B. kita C. engkau D. mereka

17. Raja Bersiong amat ditakuti kerana _____ seorang raja yang zalim.

A. beliau B. baginda C. tuanku D. dia

18. "Simpan buah-buahan _____di dalam petik sejuk," kata ibu sambil menghulurkan bakul kepada Nafiz Aryaan.

A. sana B. ini C. sini D. itu

19. "Mari _____ tolong orang tua itu," kata Abdullah kepada Ali.

A. kita B. awak C. beliau D. saya

20. "_____lah bangunan yang paling tinggi di Malaysia," kata Dhiya kepada Rafidah sambil menunjukkan jari telunjuknya.

A. Sana B. Situ C. Itu D. Ini

LIVEWORKSHEETS